

## Terma & Syarat Kempen Pembayaran Tanpa Tunai Peringkat Nasional 2020

### 1. Penganjur & Kelayakan

- 1.1. Kempen Pembayaran Tanpa Tunai Peringkat Nasional (“Kempen”) ini dianjurkan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D)) (“PayNet”) (“Penganjur”) dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia (“MOF”).
- 1.2. Kempen ini tidak layak disertai oleh individu-individu yang disenaraikan di bawah:
  - a) Kakitangan/warga kerja “PayNet” (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak, ibu-bapa, adik-beradik, termasuk suami /isteri masing-masing) dan/atau
  - b) Wakil kakitangan/warga kerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan.

### 2. Tempoh Kempen

- 2.1 Tertakluk kepada perenggan 2.2, 6 bulan dari **jam 00:00 (GMT+8), 1 November 2020 ke jam 23:59 (GMT+8) pada 30 April 2021**, atau satu tempoh dan tarikh lain yang dipersetujui Penganjur dan MOF secara bersama (“Tempoh Kempen”).
- 2.2 Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen adalah tidak sah dan terbatal.
- 2.3 Untuk mengelak sebarang keraguan:
  - 2.3.1 Tempoh Kempen terbahagi kepada enam (6) kitaran atau sebarang kitaran lain yang dipersetujui secara bersama iaitu:
    - (a) 1 November 2020 hingga 30 November 2020;
    - (b) 1 Disember 2020 hingga 31 Disember 2020;
    - (c) 1 Januari 2021 hingga 31 Januari 2021;
    - (d) 1 Februari 2021 hingga 28 Februari 2021;
    - (e) 1 Mac 2021 hingga 31 Mac 2021; dan
    - (f) 1 April 2021 hingga 30 April 2021.
  - 2.3.2 Setiap penyertaan perlu adalah bersifat automatik (“*auto-entry*”) mengikut tempoh kitaran dinyatakan di Klausula 2.3.1 di atas. Sebagai contoh, penyertaan menggunakan bukti transaksi bertarikh 2 November 2020 layak menyertai kitaran bulan 1 November 2020 sehingga 30 November 2020 sahaja. Transaksi terbabit tidak layak untuk memenangi apa-apa Hadiah untuk kitaran seterusnya.

### 3. Kriteria dan Syarat Kelayakan untuk Pelanggan-Pelanggan Agensi Kerajaan Yang Mengambil Bahagian

- 3.1 Pelanggan-pelanggan agensi kerajaan yang membuat pembayaran melalui transaksi e-pembayaran, iaitu MyDebit, FPX, JomPAY atau DirectDebit di kaunter-kaunter agensi kerajaan yang mengambil bahagian atau perbankan atas talian dalam Tempoh Promosi layak untuk menyertai Kempen ini (“Peserta”) dengan syarat-syarat berikut:
  - (a) pemegang-pemegang kad ATM MyDebit yang menggunakan MyDebit melalui Kad Mesin Juruwang Automatik (“ATM”) MyDebit atau kad MyDebit korporat yang dikeluarkan oleh bank-bank dan institusi kewangan yang terlibat dengan servis MyDebit atau pengguna FPX, JomPAY dan DirectDebit di Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas;

- (b) peserta juga mesti mempunyai akaun bank yang sah dan/atau akaun perbankan internet atau perbankan mudah alih aktif dengan mana-mana bank-bank yang mengambil bahagian dalam perkhidmatan MyDebit, FPX, JomPAY dan DirectDebit, tidak dormant dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Kempen sehingga pennebusan Hadiah.
- (c) melakukan sekurang-sekurangnya satu transaksi MyDebit, FPX, JomPAY atau DirectDebit melalui platform atas talian agensi kerajaan yang mengambil bahagian dan mempunyai Bukti Transaksi; dan
- (d) tiada had bilangan penyertaan, tetapi transaksi di luar Tempoh Kempen adalah tidak layak untuk dipertimbangkan;

- 3.2 Penganjur berhak membatalkan penyertaan sekiranya ia berpendapat kelayakan mana-mana Peserta dipersoalkan atau Peserta tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini kerana dan tidak terhad kepada Peserta yang melanggar terma dan syarat Kempen ini, mengganggu operasi Kempen ini, terdapat unsur penipuan atau penyalahgunaan, atau melibatkan diri dalam apa-apa tingkah laku yang dianggap memudaratkan atau tidak adil kepada Penganjur atau mana-mana pihak yang lain (dalam setiap kes ditentukan pada budi bicara mutlak Penganjur).
- 3.3 Penyertaan melalui satu bayaran yang dibahagikan kepada beberapa transaksi adalah terbatal tetapi pembayaran berkala adalah dibenarkan.

**Sebagai contoh:** Pembayaran bil bulanan atau berkala dalam satu transaksi atau ansuran layak diterima sebagai 1 penyertaan setiap pembayaran. Sekiranya satu pembayaran untuk bil bulanan atau ansuran tertentu berjumlah RM100 tidak boleh dibahagi-bahagi kepada beberapa transaksi-transaksi kecil. Sebaliknya, sekiranya Peserta membuat satu pembayaran untuk 2 transaksi berbeza bagi agensi-agensi kerajaan yang mengambil bahagian dalam Kempen ini layak dikira sebagai 2 penyertaan. Begitu juga dengan transaksi menggunakan MyDebit, FPX, JomPAY dan DirectDebit yang berbeza.

#### **4. Senarai Pendek dan Pengumuman Pemenang**

- 4.1 Pemenang Hadiah untuk setiap kategori bagi 3 bulan-bulan kitaran terdahulu yang dinyatakan dalam Klausa 2 akan dipilih, diumumkan, dan dibuat pada Februari 2021 atau sebarang tarikh yang ditetapkan oleh pihak Penganjur. Pemenang Hadiah untuk 3 bulan-bulan kitaran terakhir akan dipilih, diumumkan, dan dibuat dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat Kempen.
- 4.2 Peserta layak akan disenarai pendek secara rawak mengikut bulan (sebagai contoh hanya penyertaan bulan November layak dicabut dan memenangi pada bulan tersebut) oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah penyertaan yang diperolehi dalam bulan tersebut sepanjang Tempoh Kempen ("**Peserta Terpilih**").
- 4.3 Setiap Peserta hanya layak memenangi SATU (1) Hadiah sepanjang Tempoh Kempen, tanpa mengira bilangan penyertaan yang diterima oleh Penganjur.
- 4.4 Sekiranya Peserta Terpilih tidak dapat dihubungi, atau gagal menjawab kesemua soalan pengesahan dengan tepat, Penganjur berhak membuat cabutan rawak seterusnya dan mengisytiharkan Peserta Terpilih yang berjaya menjawab kesemua soalan dengan tepat sebagai pemenang.
- 4.5 Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, senarai pendek, pemilihan pemenang, Hadiah dan pelucutan hak Hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria penyertaan yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

## **5. Hadiah**

- 5.1 Hadiah untuk Kempen ini adalah seperti dinyatakan dalam Lampiran 2. Penganjur berhak menukar hadiah-hadiah tersebut pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada MOF.
- 5.2 Segala jenis visual dan/atau gambaran bagi Hadiah yang digambarkan dalam mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan promosi/iklan lain berkaitan Kempen ini hanyalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata dan tidak menggambarkan warna dan/atau keadaan sebenar Hadiah-Hadiah tersebut.
- 5.3 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, setiap Penganjur tidak memberi apa-apa jaminan atau perwakilan, sama ada secara nyata atau tersirat, berhubung dengan Kempen ini termasuk dan tidak terhad kepada Hadiah-Hadiah yang ditawarkan. Setiap Penganjur juga tidak memberi apa-apa jaminan tentang kualiti dan kebolehgunaan yang berkaitan dengan Hadiah-Hadiah yang ditawarkan.
- 5.4 Hadiah adalah turut tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh syarikat pembekal hadiah. Tertakluk kepada peruntukan undang-undang, Penganjur dan ejen-ejen mereka tidak bertanggungjawab ke atas segala liabiliti yang timbul atau liabiliti akibat daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir Hadiah dari sebarang keadaan yang tidak dijangkakan, di luar kawalan pihak Penganjur dan bagi sebarang perbuatan atau keingkaran mana-mana pihak ketiga atau pembekal. Penukaran Hadiah kepada wang tunai tidak dibenarkan.
- 5.5 Penganjur tidak akan menanggung sebarang liabiliti sekiranya pemenang tidak dapat menggunakan Hadiah atau lewat menerima Hadiah untuk sebarang sebab, termasuk sebab-sebab yang timbul daripada pelanggaran terma yang ditetapkan. Pemenang yang telah menerima Hadiah dianggap telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam semua acara publisiti yang dianjurkan oleh pihak Penganjur.
- 5.6 Penganjur tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan, caj dan kos sampingan berkaitan pendaftaran hakmilik, cukai jalan, insurans, pendaftaran talian telefon dan sebagainya bagi Hadiah berkaitan.
- 5.7 Semua Hadiah tidak boleh dipindah milik. PayNet berhak untuk menggantikan Hadiah dengan Hadiah lain yang setara nilainya tanpa sebarang notifikasi terlebih dahulu.

## **6. Pengumuman atau pemberitahuan kepada pemenang**

- 6.1 Pemenang-pemenang akan dihubungi dan dimaklumkan oleh Penganjur melalui e-mel atau panggilan telefon berdasarkan maklumat yang terdapat dalam penyertaan yang telah diterima.

## **7. Penebusan dan Pelupusan Hadiah**

- 7.1 Pemenang harus memaklumkan keputusan mereka samada untuk menerima Hadiah atau sebaliknya dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan tersebut. Sekiranya Pemenang menolak atau gagal memberi jawapan dalam tempoh yang telah diberikan, Penganjur berhak melucut hak pemenang tersebut dan menarik balik Hadiah.
- 7.2 Setelah memberi keputusan untuk menerima Hadiah secara bertulis kepada Penganjur, sekiranya tiada tuntutan dibuat setelah tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberitahuan tersebut, pemberian Hadiah tersebut

terbatal dan sebarang pertanyaan selepas itu tidak akan dilayan. Tiada pembayaran balik mahupun gantirugi akan dibuat untuk sebarang Hadiah yang tidak dituntut.

- 7.3 Selain yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini, sebarang penggantian atau pengubahsuaian kepada Hadiah tidak dibenarkan.
- 7.4 Pemenang boleh melantik wakil untuk menuntut Hadiah, di dalam situasi-situasi tertentu dan ini tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur untuk membenarkan wakil tersebut menuntut Hadiah-Hadiah berkenaan. Kebenaran bertulis dari Pemenang asal yang telah disahkan dan pengesahan pengenalan diri wakil tersebut diperlukan untuk membolehkan wakil tersebut menuntut Hadiah bagi pihak Pemenang asal.
- 7.5 Pemenang bertanggungjawab di atas segala kos berkenaan untuk pemenang mengambil dan menuntut Hadiah di tempat ditetapkan Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kos, duti, levi, caj, perbelanjaan atau kos sampingan yang berkaitan dengan pengambilan dan/atau tuntutan Hadiah.
- 7.6 Pemenang mesti melalui proses pengesahan identiti diri yang dikenakan oleh Penganjur sebelum menebus Hadiah dan pemenang mestilah lulus dalam pengesahan tersebut. Hadiah akan ditarik balik jika terdapat percanggahan maklumat dengan proses pengesahan atau jika dokumen pengesahan yang disediakan adalah berbeza daripada maklumat yang diberikan. Dokumen yang diperlukan untuk proses pengesahan adalah seperti berikut:
  - (a) bukti transaksi asal MyDebit, FPX, JomPAY atau DirectDebit;
  - (b) kad pengenalan asal pemenang (Malaysia) atau, pasport asal yang sah (bagi bukan warganegara); dan
  - (c) kad MyDebit asal yang digunakan untuk bukti transaksi, sekiranya pembayaran dilakukan melalui MyDebit.
- 7.7 Sekiranya dokumen diperlukan untuk pengesahan identiti diri dan bukti transaksi asal untuk tuntutan Hadiah tidak lengkap atau tidak diberikan dalam masa yang ditetapkan, Penganjur berhak untuk melucutkan hak pemenang tersebut dan Hadiah yang berkaitan akan dibatalkan. Pemenang mungkin dikehendaki menandatangani perjanjian bertulis bagi Hadiah yang dituntut seperti yang dikehendaki oleh Penganjur.
- 7.8 Sekiranya pemenang memilih untuk tidak menerima Hadiah, segala urusan berkaitan hal tersebut adalah tertakluk kepada budibicara PayNet dan peruntukan undang-undang yang berkaitan.

## **8. Tanggungjawab dan Liabiliti**

- 8.1 Pemenang akan menanggung liabiliti dan bertanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan, kerugian atau tuntutan akibat daripada penyertaan di dalam Kempen ini, penebusan dan/atau penggunaan Hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang dialami, dalam sebarang situasi yang melibatkan pihak ketiga atau Peserta, semasa dan selepas Kempen ini.
- 8.2 Dengan menyertai dan menerima Hadiah yang ditawarkan oleh Penganjur, Peserta dan pemenang dengan ini telah memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menerbitkan, memaparkan nama, alamat, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan gambar Peserta dan pemenang bagi tujuan pengiklanan dan publisiti yang berkaitan dengan Kempen, dalam apa-apa cara penerbitan, pengedaran atau paparan dari semasa ke semasa tanpa sebarang royalti atau pampasan yang perlu dibayar kepada Peserta dan pemenang dan tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada pemenang atau Peserta. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang

kegagalan teknikal dalam apa jua bentuk, gangguan manusia atau elektronik atau kesilapan/kecuaian manusia di dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen.

8.3 Penganjur, promoter dan ejen-ejen mereka tidak bertanggungjawab dalam sebarang perkara berikut:

- (a) apa-apa kos, perbelanjaan tambahan yang ditanggung oleh Peserta untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini;
- (b) apa-apa bentuk gangguan teknikal;
- (c) campur tangan pihak yang tidak diiktiraf oleh Penganjur dalam Tempoh Kempen;
- (d) kesilapan elektronik atau kesilapan/kecuaian manusia dalam pentadbiran Kempen dan pemprosesan penyertaan;
- (e) apa-apa kemasukan data yang hilang, dicuri, rosak, disalah hantar atau tidak diterima yang bukan disebabkan oleh kecuaian atau keingkaran sengaja Penganjur.

8.4 Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi sedemikian adalah dikecualikan.

## 9. Perlindungan Data

9.1 Dengan menyertai Kempen ini dan pendedahan maklumat peribadi kepada Penganjur, Penganjur bersetuju untuk hanya menggunakannya untuk tujuan Kempen ini dan melindungi maklumat tersebut seperti yang dinyatakan di bawah. Bahagian ini juga menggariskan hak Peserta mengenai perlindungan data, dan penerangan kepada Peserta bagi tujuan untuk menghubungi Penganjur.

9.2 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Penganjur untuk mengumpul, memproses, menggunakan dan menyimpan nama mereka, nombor kad pengenalan (KPT) yang telah ditutupkan dan butir-butir lain ("Data Peribadi") dari institusi kewangan masing-masing serta memberi kebenaran kepada institusi kewangan masing-masing untuk berkongsi Data Peribadi tersebut kepada pihak Penganjur untuk tujuan menjalankan Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan pemenang.

9.3 Penganjur mungkin menggunakan perkhidmatan pihak ketiga untuk memproses Data Peribadi Peserta, di mana pihak ketiga tersebut adalah bertanggungjawab dan haruslah tidak menggunakan Data Peribadi Peserta di dalam sebarang cara selain daripada apa yang dinyatakan di sini.

9.4 Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2020 [Akta 709], hak Peserta termasuk:

- (a) hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah dengan memaklumkan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
- (b) hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
- (c) hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.

9.5 Untuk sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila hubungi talian pelanggan Penganjur di +603 3310 0096 (Isnin – Ahad, 9 pagi – 5 petang kecuali cuti umum).

- 9.6 Penganjur akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat dan memastikan, pemprosesan data yang dibuat oleh pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah tanpa sebarang notifikasi terlebih dahulu.
- 9.7 Pihak Penganjur berhak untuk memindahkan beberapa maklumat Data Peribadi kepada pembekal perkhidmatan bagi tujuan pentadbiran Kempen ini dan tujuan menghubungi pemenang. Pembekal perkhidmatan yang dinyatakan di sini adalah termasuk dan tidak terhad kepada pembekal perkhidmatan yang menguruskan Kempen ini. Pihak perkhidmatan tersebut adalah juga terikat secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain dari cara yang dinyatakan di sini.

## **10. Hak Penganjur**

- 10.1 Penganjur berhak untuk meminda, mengubah atau memadam Terma dan Syarat yang terkandung di sini dengan notis bertulis kepada MOF.
- 10.2 Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap kerugian kewangan mana-mana yang dialami oleh Peserta yang timbul daripada keengganan, pembatalan atau penarikan balik Kempen.
- 10.3 Penganjur boleh menyerahkan semua hak yang diberikan oleh Peserta kepada mana-mana pihak di atas budi bicara Penganjur.
- 10.4 Penganjur berhak untuk melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen bagi sebarang sebab sekalipun, tanpa notis terlebih dahulu. Peserta tidak boleh membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur bagi sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung dan tidak langsung daripada apa-apa perintah kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan, tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- 10.5 Para pemenang juga mungkin dikehendaki untuk hadir dan/atau menyertai program publisiti. Wakil-wakil pemenang adalah tidak dibenarkan untuk mewakili pemenang untuk sebarang program publisiti.

## **11. Umum**

- 11.1 Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.treasury.gov.my> pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen.
- 11.2 Terma dan Syarat ini dipantau dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan dalam bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- 11.3 Masa adalah intipati penting Terma & Syarat ini.
- 11.4 Pertandingan Terma & Syarat ini disediakan dalam Bahasa Melayu. Sebarang alihbahasa tidak diiktiraf.

**[TAMAT]**